



## PEMAKLUMAN ARAHAN PENUTUPAN OPERASI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PTG) DAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH KOTA SETAR (PDTKS) NEGERI KEDAH SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD).

Kedah Bar <kedahbarcomm@gmail.com>

Thu, May 20, 2021 at 2:40 PM

To:

Tuan,

**PER: PEMAKLUMAN ARAHAN PENUTUPAN OPERASI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PTG) DAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH KOTA SETAR (PDTKS) NEGERI KEDAH SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD).**

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Merujuk kepada pengumuman Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob bagi Pelaksanaan Tempoh Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 28 Mukim Dalam Daerah Kota Setar berkuatkuasa 19 Mei 2021 sehingga 01 Jun 2021.

Sehubungan itu, pentadbiran ini ingin memaklumkan penutupan operasi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar Negeri Kedah adalah seperti berikut:-

### **1. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG)**

- Seiring dengan pelaksanaan tersebut, Kaunter Pendaftaran PTG, Kaunter Unit Hasil PTG dan Kaunter Hasil di UTC Alor Setar **AKAN DITUTUP** sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD berkenaan.

- Pembayaran Cukai Tanah boleh dilakukan secara dalam talian di <https://ibayaq.kedah.gov.my/> atau <https://www.ptgkedah.gov.my/>

### **2. Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar (PDTKS)**

- Selaras dengan pelaksanaan tersebut, Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar **TIDAK BEROPERASI** sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD berkenaan.

- Pembayaran Cukai Tanah boleh dilakukan secara atas talian di [ibayaq.kedah.gov.my](https://ibayaq.kedah.gov.my)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

NOR AMIZA BINTI ZAINON

Pengerusi

Jawatankuasa Konveyansing, Perbankan & Korporat

Badan Peguam Kedah

--

**KEDAH BAR COMMITTEE**

No. 54, Jalan Utama 3/1

Kompleks Perniagaan Utama

Jalan Sultanah Sambungan

05350 Alor Setar

Kedah Darul Aman

Tel: 04-7308305 / 7333467

Fax: 04-7308305

Email: [kedahbarcomm@gmail.com](mailto:kedahbarcomm@gmail.com)

2 attachments

Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar.jpg




193K



**Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah.pdf**

128K



## MAKLUMAN

MERUJUK KEPADA PENGUMUMAN YANG BERHORMAT MENTERI KANAN PERTAHANAN, DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB BAGI PELAKSANAAN **TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI 28 MUKIM DALAM DAERAH KOTA SETAR BERKUATKUASA 19 MEI 2021 SEHINGGA 01 JUN 2021**. SEIRING DENGAN PELAKSANAAN TERSEBUT, KAUNTER PENDAFTARAN PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PTG), KAUNTER UNIT HASIL PTG DAN KAUNTER HASIL DI UTC ALOR SETAR **AKAN DITUTUP SEPANJANG TEMPOH PELAKSANAAN PKPD BERKENAAN**.

PEMBAYARAN CUKAI TANAH BOLEH DILAKUKAN SECARA DALAM TALIAN DI <https://ibayaq.kedah.gov.my/> atau <https://www.ptgkedah.gov.my/>


**SEGALA KESULITAN AMAT DIKESALI. HARAP MAKLUM**



# NOTIS PEMBERITAHUAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KOTA SETAR  
**TIDAK BEROPERASI** DARI **19 MEI 2021 HINGGA 1 JUN 2021** SELARAS DENGAN PERLAKSANAAN PERINTAH  
**KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**  
DI 28 MUKIM DI DAERAH KOTA SETAR

WALAU BAGAIMANAPUN PEMBAYARAN CUKAI TANAH  
BOLEH DILAKUKAN SECARA ATAS TALIAN DI

 [ibayaq.kedah.gov.my](http://ibayaq.kedah.gov.my)

Segala kesulitan amat dikesali

